

20 gerai pameran yang membabitkan 14 penyertaan badan kerajaan dan swasta

C-Fest meriahkan konvokesyen USIM

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 21 Sept. – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memeriahkan lagi sambutan konvokesyen menerusi penganjuran Pesta Konvokesyen Kelapan (C-Fest) yang diadakan bermula dari semalam hingga 26 September ini, di Stadium Tertutup Nilai, Bandar Baru Nilai dekat sini.

Penganjuran pesta selama seminggu itu merupakan kerjasama Sekretariat Naib Yang Dipertua, Majlis Perwakilan Pelajar USIM bersama badan-badan mahasiswa USIM.

Hampir 20 gerai pameran dan jualan dibuka sepanjang pesta tersebut dengan 14 penyertaan da-

ripada agensi kerajaan dan swasta termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tabung Haji, Johor Corporation serta KFC Holdings.

Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, tradisi penganjuran pesta itu harus menjadi kebanggaan semua warga USIM kerana ia merupakan titik bagi memperingati mahasiswa lain yang mereka juga bakal diraikan pada majlis konvokesyen setiap tahun.

“Selain itu, kerjasama serta penyertaan badan-badan korporat ini juga penting dalam menjayakan penganjuran pesta ini.

“Ia juga boleh dijadikan tarikan terhadap orang ramai ke arah meningkatkan imej universiti di peringkat nasional mahupun global,” katanya baru-baru ini.

Di samping itu, Mohamad turut menasihati graduan USIM supaya mempunyai jati diri selain memiliki kemahiran organisasi yang tinggi.

“Ia bagi mengikis tanggapan masyarakat dan

la juga boleh dijadikan tarikan terhadap orang ramai ke arah meningkatkan imej universiti di peringkat nasional mahupun global

- DR. MUHAMAD MUDA

Naib Canselor USIM



DR. MUHAMAD Muda (dua dari kanan) melawat gerai pameran pada Pesta Konvokesyen ke-8 (C-Fest) di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini. - UTUSAN/ABD RAZAK AID

khususnya di kalangan majikan bahawa graduan Islam sememangnya mampu dan berupaya menjadi pemimpin yang ulung” katanya.

Pesta tersebut dirasmikan Muhamad dan

turut dihadiri, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Alumni, Profesor Datuk Dr. Asin Dollah dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Pro-

fesor Musa Ahmad.

Dalam pada itu, menurut Pengarah Program C-Fest, Abdullah Long, antara aktiviti menarik C-Fest ialah Seminar Gerakan Usa-

hawan, Pertandingan Dikir Barat IPT Malaysia, Forum Perdana, Malam Memperingati Al-Quds, Solat Hajat Perdana dan Cabaran Catur Bestari.